



**MAHASISWA Sekolah Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan bergambarkan bersama Pegawai HEP UMS KK, setelah tamat kursus berkenaan.**

UB 11.04.2012 B2

## **70 mahasiswa Sekolah Pertanian Lestari, Sandakan sertai K-Pop 2012**

**SANDAKAN:** Pada penghujung bulan Mac lalu, Seksyen Latihan Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS telah mengadakan Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar atau K-Pop di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sekolah Pertanian dan Lestari, Sandakan.

Program ini telah disertai oleh seramai 70 orang pelajar dari Sekolah Pertanian dan Lestari, Kampus Sandakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang perkara-perkara yang perlu ada kepada seorang pemimpin dan pengurus.

Selain itu, program ini juga adalah untuk pelajar mengetahui kaedah-kaedah pengurusan organisasi pelajar serta mengetahui tatacara penubuhan

sesebuah badan pelajar khususnya di UMS.

Kursus ini adalah aktiviti tahunan khusus untuk pemimpin pelajar di UMS Kampus Sandakan di mana ianya telah dirancang serta ditakwim sedari awal ini menekankan kaedah dalam pengurusan organisasi pelajar agar tatacara kepimpinan yang dibawa lebih berstruktur dan teratur.

Semua peseta kursus juga akan dikenangkan dalam kepentingan melibatkan diri serta kepimpinan pelajar sebagai salah satu medan latihan dalam mengurus aktiviti dan program yang dianjurkan.

Sesungguhnya penyertaan dalam kepimpinan pelajar tidak kirada peringkat mana sekalipun akan memberikan ilmu yang berguna apabila meninggalkan alam universiti kelak.

Kursus ini merupakan kursus terakhir yang dijayakan oleh Seksyen Latihan, Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, HEP. Sebelumnya, kursus ini telah diadakan di Kampus Induk dan UMS-KAL.



**PENOLONG**  
**Pendaftar Kanan HEP,**  
**Mohammad Wazir**  
**Shafie menyampaikan ceramah untuk kursus berkenaan.**